

21 MAR 2003
Iraq-Duta/I
KEDUTAAN IRAQ UCAP TERIMA KASIH ATAS SOKONG M'SIA

PUTRAJAYA, 21 MAC (Bernama) -- Kedutaan Iraq di sini mengucapkan terima kasih atas sokongan berterusan oleh kerajaan dan rakyat Malaysia kepada rakyat dan negara Iraq yang mengharungi kancah peperangan yang dilancarkan Amerika Syarikat dan sekutunya.

Duta Iraq ke Malaysia, Qais Subhi Al-Yacoubi mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atas pendirian beliau khususnya semasa Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) ke-13 dan mesyuarat tidak rasmi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di sini serta mesyuarat tergepar OIC di Doha, Qatar.

"Sokongan Dr Mahathir, kerajaan Malaysia dan rakyatnya yang ditunjukkan kepada negara Iraq dan penduduknya pada masa kritikal ini sangat dihargai," katanya kepada pemberita selepas mengunjungi Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin di sini hari ini.

Al-Yacoubi berkata persidangan NAM merupakan saluran yang baik untuk menyuarakan secara lantang tentang kempen tidak adil dan kejam menentang peperangan.

"Sekali lagi saya berkata persidangan kemuncak NAM itu amat menggalakkan. NAM merupakan saluran baik untuk membuktikan kepada dunia bahawa negara-negara NAM mencintai keamanan," katanya.

Mengenai sebuah laporan bahawa Amerika akan meminta penutupan kedutaan Iraq di seluruh dunia berikutan jangkaan kejatuhan kerajaan Saddam Hussein, Al-Yacoubi berkata tidak ada sebab untuk seruan seperti itu kecuali arahan dari negara Iraq sendiri.

Katanya keputusan sama ada duta-duta Iraq perlu meninggalkan negara atau menutup kedutaan masing-masing harus diterima dari negara asal.

"Ini terpulang kepada negara tuan rumah. Kami ditauliahkan oleh negara tuan rumah dan bukan menjadi tugas diplomat-diplomat Iraq untuk menasihatkan negara lain. Setiap negara tahu apa yang perlu dibuat.

"Jika mereka mahu kedutaan wujud di sesebuah negara...itu terpulang kepada negara yang menjadi tuan rumah kerana kami adalah sebagai tetamu negara. Jika mereka (negara-negara) mahu kami terus tinggal, kami akan tinggal dan jika mereka kata pergi...kami akan pergi. Ini terpulang kepada kerajaan masing-masing," katanya.

Al-Yacoubi juga mendakwa bahawa Iraq bukan sahaja mendapat sokongan daripada negara-negara Islam tetapi juga daripada negara bukan Islam.

"Sebenarnya banyak negara menyokong Iraq...bukan sahaja negara Islam tetapi juga antaranya rakyat Amerika, Australia, Jepun and Jerman kerana manusia tidak suka pergi berperang. Jadi semua rakyat dan negara berada di samping kami untuk menentang peperangan," katanya.

Sementara itu, Abdul Hamid menyampaikan rasa dukacita terhadap peperangan yang berlaku di Iraq yang bukan sahaja tidak akan menyelesaikan masalah tetapi juga akan menyebabkan pelbagai kesusahan.

" Beliau (Al-Yacoubi) juga melahirkan rasa kesyukurannya kerana berada di negara ini yang aman dan tiada kezaliman dan berbangga dengan rakyat kita yang menyokong Iraq.

"Sehingga apabila nampak bendera dan kereta yang digunanya, rakyat kita turut mengangkat tangan," katanya.

Beliau berkata Al-Yacoubi juga berbangga dengan ketegasan Dr Mahathir menyuarakan pendiriannya menentang peperangan dan beliau (Al-Yacoubi) turut memuji dan menyifatkan Dr Mahathir sebagai pemimpin Islam yang terserlah di abad ini.

-- BERNAMA
SSA AHH DC RON